Kementerian Kerja Raya Malaysia

# BINA

06

ISSN: 1985-4595 | 06/2014 | NOV 2014 - JAN 2015




## PENGURUSAN MENGHADAPI BENCANA

### MENARIK DI DALAM

- * KRONOLOGI MISI BANTUAN PASCA BANJIR KKR DAN AGENSI ( M/S 8 )
- * BILIK GERAKAN BENCANA JKR ( M/S 6 )
- * FAKTA KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA ( M/S 5 )

# SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**
YBhg. Dato' Zohari Bin Haji Akob
*(Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya)*

**PENASIHAT**
YBrs. Encik Sarani Bin Dollah
*(Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) Kementerian Kerja Raya)*

**KETUA PENGARANG**
Pn. Noreha Mohd Ripin
*(Ketua Komunikasi Korporat)*

**PENGARANG**
En. Mohd Rizal Bin Hashim
En. Fauzi Bin Baharudin
Pn. Aisah Binti Ghazali

**FOTOGRAFI**
En. Rosdin Bin Sabni
*(Jurufoto, Unit Komunikasi Korporat)*
Dan
Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya

**REKA BENTUK/PENCETAK**
Qaisworks Sdn. Bhd.
Tel: +603 7832 2144

**URUSETIA**
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan artikel boleh dialamatkan kepada:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Kementerian Kerja Raya,
Tingkat 6, Blok B,
Kompleks Kerja Raya,
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur.

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-2711 1101
E-mel : pro@kkr.gov.my
Web : www.kkr.gov.my
Facebook : Kementerian Kerja Raya
Twitter : @MOWorks

IMBAS KOD QR DISINI


# Dari Kafe KKR - Tiada Lama Tiada Baharu

*Pepatah melayu ada menyebut "patah tumbuh, hilang berganti". Kelangsungan sesuatu pentadbiran organisasi pasti akan bersilih ganti. Menggalas amanah meneruskan legasi...*



**Dato' Zainuddin Zakaria**

*Sejuta penghargaan kepada YBhg. Dato' Zainuddin Zakaria, mantan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya (KKR) yang telah bertukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).*



**Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah**

*Setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah yang telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), KKR berkuatkuasa pada 16 Februari 2015.*



**Puan Josphine Juliana a/p Arulanandam**

*Tahniah kepada Puan Josphine Juliana a/p Arulanandam yang telah dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pembangunan dan Penswastaan (BPP) , KKR*

*Juga ucapan tahniah kepada YBhg. Dato' Yahaya bin Hasan, Setiausaha Bahagian Pembangunan Usahawan dan Kontraktor (BPKU), KKR dan YBhg. Dato' Embok Masek bin Md Taher, Setiausaha Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF), KKR atas pengurniaan Darjah Kebesaran Mahkota Pahang Yang Amat Mulia – Peringkat Kedua, Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) yang membawa gelaran Dato'.*



**Dato' Yahaya bin Hasan**



**Dato' Embok Masek bin Md Taher**

*Noreha Mohd Ripin*





# LAWATAN KERJA KE 3 NEGERI TERJEJAS BANJIR OLEH YB MENTERI KERJA RAYA

KUALA KRAI, 1 Januari – Kejadian banjir yang melanda empat buah negeri di Semenanjung Malaysia telah menjejaskan beberapa jalanraya dan infrastruktur lain mengakibatkan beberapa kawasan telah terputus hubungan pengangkutan darat.

Bagi menilai kesan kemusnahan ini, Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof telah mengadakan lawatan kerja ke tiga negeri yang terjejas akibat bencana bersama-sama pihak pengurusan tertinggi Kementerian antaranya YBhg. Dato' Sri Zohari Akob, Ketua Setiausaha KKR dan YBhg. Dato' Ir. Annies Md. Ariff, Ketua Pengarah Kerja Raya.

Lokasi pertama yang dilawati beliau adalah Jalanraya Timur Barat Gerik – Jeli, (Perak – Kelantan) FT 004, kilometer 69 yang mengalami keruntuhan cerun. Jalan lencongan sedang dibina syarikat konsesi dan kerja ini dipantau Jabatan Kerja Raya (JKR) Perak bagi menyediakan laluan alternatif sementara kepada pengguna jalanraya ini.



Menteri Kerja Raya melewati salah satu tapak yang musnah akibat banjir



Menteri Kerja Raya bertanyakan khabar salah seorang pesakit yang terlantar di pusat penempatan mangsa banjir di Sek. Men Yahya Petra II Kuala Krai

Lawatan diteruskan ke Kuala Krai, Kelantan. Antara lokasi yang dilawati adalah Pusat Pemindahan Banjir di Sekolah Mengah Yahya Petra 2, jalan terjejas FT 008 Kuala Krai – Gua Musang dan rumah penduduk sekitar Kampung Kubang Lebur, Kuala Krai.

Lokasi terakhir yang dilawati adalah dua pusat pemindahan sementara di Daerah Temerloh, Pahang iaitu Sek. Men. Keb Sri Tualang, Temerloh dan Sekolah Menengah Seri Sukan Seberang Temerloh.

Menteri Kerja Raya telah sudi menyampaikan sumbangan bantuan yang telah dikumpul oleh warga Kerja Raya kepada mangsa banjir di kedua-dua pusat pemindahan tersebut.



# MAJLIS MOC TADBIR URUS, INTEGRITI DAN PENCEGAHAN RASUAH DALAM INDUSTRI PEMBINAAN




Majlis Pertukaran MoU Antara Jabatan dan Kememterian



Sesi Menandatangani MoU Dimulakan Oleh YBM KKR

**KUALA LUMPUR, 13 November** – Satu Majlis menandatangani Memoradum Kerjasama (MoC) antara Kerajaan Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Persatuan-persatuan Industri Pembinaan telah diadakan di Kompleks Kerja Raya bertujuan untuk memastikan sebuah industri pembinaan negara yang bebas rasuah dan beroperasi dengan tadbir urus yang baik serta berintegriti tinggi.

Pihak yang terlibat menandatangani MoC ini ialah pihak Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, pihak Agensi Kerajaan iaitu YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abdul Karim, Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan YBhg. Datuk Dr. Mohd Tap Bin Salleh, Presiden Institut Integriti Malaysia (IIM).

Manakala pihak persatuan industri pembinaan yang terlibat pula ialah Master Builders Association Malaysia (MBAM), Real Estate And Housing Developers' Association Malaysia (REHDA), Association Of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Malaysian Institute Of Architects (PAM), The Institution Of Engineers Malaysia (IEM), Royal Institution Of Surveyors Malaysia (RISM), Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM), dan Persatuan Kontraktor India Malaysia (PKIM)

Acara menandatangi ini disaksikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan YB Senator YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

# HIMPUNAN IBS BUMIPUTERA KEBANGSAAN

KUCHING, 6 Disember - Seminar Himpunan IBS Bumiputera Kebangsaan anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan bertempat di Hotel Pullman, Kuching.

Tujuan penganjuran seminar dua hari ini adalah memberi pendedahan kepada kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera kepentingan Sistem Binaan Berindustri atau lebih dikenali sebagai Industrialised Building System (IBS) dalam meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk pembinaan, mempercepatkan tempoh pembinaan serta seterusnya mengurangkan tahap kebergantungan terhadap pekerja asing dalam industri pembinaan negara.




Menteri Kerja Raya menyampaikan Ucapan Perasmian

Dalam ucapan perasmian, Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof berkata pelaksanaan IBS ini telah dikuatkuasakan melalui 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) PK 1/2013 dikeluarkan Kementerian Kewangan dan didokong Roadmap IBS 2011–2015 yang disediakan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB).

Malah menurut beliau lagi, dalam Rolling Plan Ke–4, Rancangan Malaysia Ke–10 (RMKe–10), sejumlah 161 buah projek atau 19% daripada 848 jumlah keseluruhan projek bangunan dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya dilaksanakan secara IBS.





# KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2014

- Temasya Kejohanan Sukan Kerja Raya kali ke-7
- 30 Oktober sehingga 1 November 2014 (3 hari).
- Negeri Perlis Indera Kayangan menjadi tuan rumah
- 31 kontijen (Kementerian Kerja Raya, Agensi-agensi dan Syarikat-syarikat Konsensi)
- 15 acara yang dipertandingkan
- Johan keseluruhan - PLUS Expressway Berhad (6 emas, 3 perak, 3 gangsa)
- Perasmian Pembukaan oleh YB. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya
- Perasmian Penutupan oleh YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, KSU KKR
- Lokasi acara perasmian, Stadium Mini, Kompleks Sukan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UiTM Perlis.
- Mula diperkenalkan pada 1999 dengan nama Highway Games sebagai acara tahunan
- Bermula 2002, temasya sukan ini diadakan secara dwitahunan dengan nama Kejohanan Sukan Kerja Raya
- Anjuran bersama Kementerian Kerja Raya, Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Jabatan Kerja Raya Perlis

JOHAN KESELURUHAN:
**PLUS EXPRESSWAY BERHAD**

OLAHRAGAWAN:
**AMIRREDHO BIN MD NOH (PLUS)**

JOHAN PERBARISAN:
**LITRAK**

OLAHRAGAWATI:
**HAFIZAH BTE ISHAK (KESAS)**

## KEPUTUSAN PENUH

KEPUTUSAN

ACARA SUKAN

| | ACARA SUKAN | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | BOLA SEPAK | PLUS | ROADCARE | HCM/PROLINTAS |
| 2 | BOLA JARING | KESAS | PLUS | KKR/JKR |
| 3 | BOLA TAMPAR (L) | KESAS | KKR | PLUS/BESRAYA |
| 4 | BADMINTON | KKR | BELATI | JKR/CIDB |
| 5 | PING PONG | KKR | SMART | PLUS/CIDB |
| 6 | SEPAK TAKRAW | PLUS | MEX | JKR/AKLEH |
| 7 | KAROM | PLUS | LLM | CIDB/AKLEH |
| 8 | FUTSAL (LELAKI) | KESAS | SELIA | LITRAK/MEX |
| 9 | FUTSAL (WANITA) | KKR | BELATI | PLUS/CIDB |
| 10 | BOWLING | PLUS | KKR | BESRAYA |
| 11 | DART | PLUS | KKR | LLM/CIDB |
| 12 | TARIK TALI | KESAS | PLUS | SPRINT |
| 13 | CATUR | PLUS | KKR | JKR |
| 14 | GOLF | KESAS | HCM | SELIA |
| 15 | BOLING PADANG | BESRAYA | PLUS | KKR/LKSA |

KEDUDUKAN PASUKAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1 | PLUS | 6 | 3 | 3 |
| 2 | KESAS | 5 | - | - |
| 3 | KKR | 3 | 4 | 2 |
| 4 | BESRAYA | 1 | - | 1 |




# BILIK GERAKAN BENCANA JKR MALAYSIA

**Dalam sesuatu operasi pengurusan dan bantuan ketika berlaku bencana, JKR berperanan sebagai agensi bantuan dan pemulihan seperti:**

- Memberi sokongan dari segi keperluan loji-loji, kenderaan, kakitangan untuk kerja-kerja mengemas tempat bencana dan pengangkutan.
- Menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah.
- Membekalkan air dan menaikkan tekanan air di kawasan yang memerlukannya (tindakan pihak berkuasa bekalan air).
- Menyediakan perkhidmatan teknikal dan pakar dalam bidang kejuruteraan forensik (pakar), geoteknik, struktur dan lain-lain seperti dalam kes tanah runtuh dan kegagalan struktur.
- Menyediakan kerja-kerja baikpulih seperti cerun runtuh dan sebagainya.
- Menyediakan Senarai Data Kelengkapan dan Senarai Kakitangan dalam masa bencana.

## PELAN TINDAKAN OPERASI BENCANA




**Aliran Perhubungan Ketika Kejadian Bencana**

## TINDAKAN KECEMASAN OLEH JKR

- Tanah runtuh dan banjir
- Kegagalan tambakan dan jalan tenggelam
- Kerosakan / Runtuhan jambatan
- Kerosakan pembetung dan struktur saliran
- Tumpahan bahan kimia berbahaya
- Halangan jalan raya dan pokok tumbang








## KERJA PEMULIHAN BENCANA



Melaksanakan kawalan trafik di lokasi bencana


Menyediakan laluan alternatif


Melaksanakan pemulihan menyeluruh

## TINJAUAN OPERASI PENGURUSAN BENCANA


YBM dan YBTM meninjau operasi


Sesi taklimat kepada KSU KKR


Petugas bilik gerakan bencana

### TALIAN ADUAN & KECEMASAN

Bilik Gerakan Bencana JKR

- bencana@jkr.gov.my
- 03-2696 7727
- 03-2694 7550
- www.jkr.gov.my/bencanaalam

### SYARIKAT KONSESI KERJA PEMULIHAN

Belati Wangsa (M) S/B (Zon Utara)
- 05-2552211
- 05-2418111

Selia Selenggara Selatan S/B (Zon Selatan)
- 06-2318140
- 06-2318246

Roadcare (M) S/B (Zon Tengah / Timur)
- 03-92852257
- 03-92854270

FAKTA

# KRONOLOGI MISI BANTUAN PASCA BANJIR KKR, JKR DAN AGENSI

**BANTUAN DAN SUMBANGAN TIDAK TERHENTI DISINI MALAH BERTERUSAN DENGAN PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN SEMULA INFRASTRUKTUR YANG TELAH DIRANCANG..**

**TERIMA KASIH PARA SUKARELAWAN!! SYABAS!!**

## 29 DISEMBER 2014

Pengumpulan Barang Keperluan untuk Mangsa Banjir di Dewan Tan Sri Mahfoz, Kompleks Kerja Raya








## 30 DISEMBER 2014

Pelepasan Misi Bantuan Mangsa Banjir Pantai Timur oleh KSU KKR dan KPKR



## 30 DISEMBER 2014

Penyerahan sumbangan segera bantuan Mangsa Banjir Kelantan dan Terengganu kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) oleh KKR, LLM dan PSKLM berjumlah RM100,000



## 31 DISEMBER 2014

Tinjauan YB Menteri Kerja Raya dan YB Timbalan Menteri Kerja Raya ke Bilik Gerakan Bencana, JKR Malaysia





## 1 JANUARI 2015

YB Menteri Kerja Raya meninjau lokasi Jalan Persekutuan di 3 Negeri terjejas banjir iaitu Perak, Kelantan dan Pahang



## 1 JANUARI 2015

YB Timbalan Menteri Kerja Raya melawat mangsa banjir di Perak Tengah dan menyampaikan sumbangan bahan keperluan





## 6 JANUARI 2015

Majlis menyambut kepulangan para sukarelawan yang membantu menyampaikan sumbangan di Pantai Timur





## 7 - 9 JANUARI 2015

Misi gotong-royong pembersihan Pasca Banjir oleh sukarelawan KKR dan Agensi, PUSPANITA dan syarikat konsesi di sekitar Temerloh, Pahang







## 10 JANUARI 2015

Misi Pasca Banjir KKR oleh 414 sukarelawan membersihkan sekolah di Temerloh, Pahang yang turut disertai Syarikat Sapura Berhad, PERKOF, PKMM dan syarikat konsesi







# PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2014

**ARAU, PERLIS, 30 OKTOBER**


Lintaran Pebarisan Hormat oleh Kontinjen KKR


Gimik pelancaran oleh YBTM dengan memasukkan plag ke dalam bekas

Pemberian Cenderahati daripada YBTM kepada Ketua Kontinjen KKR


Kontinjen PLUS menjadi Johan Keseluruhan


Penyampaian Piala Johan Keseluruhan kepada Kontinjen PLUS

# PENUTUP KEJOHANAN SUKAN KERJA RAYA 2014

**ARAU, PERLIS, 30 OKTOBER**



Antara tetamu kehormat Uparaca Perasmian Penutupan

# ANTARA ACARA KEJOHANAN SUKAN

**ARAU, PERLIS, 30 OKTOBER**


Bola Tampar (L)


Pasukan Badminton penyumbang Emas KKR

Acara Bola Jaring





# PERSIDANGAN JALAN RAYA MALAYSIA (MRC) KE-9 DAN SEMINAR ANTARABANGSA *PERMANENT INTERNATIONAL ASSOCIATION OF ROAD CONGRESSES* (PIARC)

**PETALING JAYA, 11 NOVEMBER**


Upacara memotong riben di kawasan pameran oleh tetamu kehormat


YBM bergambar bersama para penerima biasiswa yang mewakili universiti tempatan negara

# LAWATAN KERJA PROJEK LEBUHRAYA PAN-BORNEO JAJARAN SARAWAK

**KUCHING, SARAWAK, 15 NOVEMBER**


Sesi taklimat oleh JKR negeri Sarawak bersama Menteri Lebuhraya & Infrastruktur Sarawak


Meninjau sebahagian daripada lebuh raya Pan Borneo dari roof top sebuah bangunan di Pusat bandaraya Kuching

# GRADUASI AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) SARAWAK

**KUCHING, SARAWAK, 16 NOVEMBER**


Penerima Anugerah bidang masing-masing



Acara pertukaran MoU

Bergambar bersama agensi dan syarikat swasta yang terlibat dalam perjanjian MoU

# JAMUAN ULANG TAHUN *BUILDING MATERIAL DISTRIBUTORS ASSOCIATION MALAYSIA* (BMDAM)

PETALING JAYA, 21 NOVEMBER



Majlis penyampaian anugerah kepada pembekal barang pembinaan terbaik



Bersama pengerusi & pengusaha besar syarikat pembekal barang pembinaan

# SEMINAR *INTELLIGENT TRANSPORT SYSTEM* (ITS) MALAYSIA 2014

SUBANG, 25 NOVEMBER




Sesi Bergambar Bersama Konsesi



Ucapan Perasmian Oleh Menteri Kerja Raya

# LAWATAN KERJA LEBUHRAYA PAN-BORNEO-JAJARAN SABAH

PAPAR SABAH, 5 DISEMBER



Menteri Kerja Raya sedang meneliti salah satu peta jalan Pan Borneo



Pengarah JKR Sabah sedang memberikan taklimat kepada Menteri Kerja Raya & Timbalan turut sama KSU KKR



Pasukan menaiki bas untuk melawat lokasi





# HIMPUNAN *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS) BUMIPUTERA KEBANGSAAN

KUCHING, SARAWAK, 6 DISEMBER




Gimik pelancaran dilakukan oleh Menteri Kerja Raya dan KSU Kerja Raya



Penerimaan buku IBS oleh YB Menteri disampaikan oleh KSU Kerja Raya



Kehadiran YB Menteri disambut oleh para peserta seminar turut kelihatan KSU & TKSU P Kerja Raya

# PEMERKASAAN KONTRAKTOR UBAHSUAI BUMIPUTERA MELALUI CNAR

KUALA LUMPUR, 9 DISEMBER



Lawatan ke salah satu tapak pameran pengeluar cat 100% bumiputera dari syarikat Binapaint



Menteri Kerja Raya beramah mesra bersama penerima wakil anugerah bumiputera terbaik pada majlis ini




Menteri Kerja Raya menyaksikan sessi menandatangani MoU oleh agensi kerajaan dan wakil persatuan bumiputera

# LEKAS *SHIMANO HIGHWAY CHALLENGE 2014*

KAJANG, 23 NOVEMBER




Acara perlumbaan dimulakan



Cenderahati daripada Pihak Penganjur



Timbalan Menteri bergambar bersama para pemenang

## PROGRAM PEMERKASAAN MEDIA SOSIAL KKR 2014

KUALA LUMPUR, 19 DISEMBER


Anugerah admin terbaik media sosial kepada JKR Johor


Sesi penyerahan gajet kepada setiap admin


Gambar berkumpulan bersama admin media sosial KKR & agensi

## MAJLIS PERSARAAN PENJAWAT AWAM KKR SESI-2

SEMENYIH, 22 DISEMBER



Gambar kenangan berkumpulan pesara bersama Datuk Sri Zohari KSU KKR


Sesi penyampaian cenderahati daripada KKR kepada pesara

## SEMINAR GST KONTRAKTOR DAN USAHAWAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 25 NOVEMBER


Pemberian cenderahati oleh SUB Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan Datuk Yahaya Hassan


Tetamu kehormat yang turut serta dalam seminar GST ini


Sesi beramah mesra bersama kontraktor yang hadir ke seminar ini



## MAJLIS JALIN MESRA MEDIA SARAWAK

KUCHING, SARAWAK, 14 NOVEMBER


YBM bersama para media bergambar kenangan


YBM dan KSU KKR menyemak senarai media


Sesi beramah mesra dari meja ke meja oleh YBM

## MAJLIS JALIN MESRA MEDIA KUALA LUMPUR

KUANTAN, 1 DISEMBER


Menteri Kerja Raya & Timbalan sedang beramah mesra bersama media yang hadir


Para media tidak ketinggalan bergambar kenangan bersama Menteri Kerja Raya


Salah seorang penerima cabutan bertuah

## MAJLIS JALIN MESRA MEDIA SABAH

KUALA LUMPUR, 5 DISEMBER


Acara penyampaian hadiah kepada pihak media yang bertuah


Salleh Yakob menceriakan majlis sebagai pengacara


Menteri Kerja Raya dan Menteri KPKT berkolaborasi menjayakan majlis ini



## 7 lagi plaza tol guna sistem automatik

## JKR pantau jalan, cerun elak insiden tanah runtuh

## JKR segera baiki jalan rosak di Setiu

*Kerja membaiki jalan mendap dijangka siap esok*

## 2 minggu perbaiki cerun, turap laluan

*Kita akan segera memperbaiki paip yang bocor yang dilakukan oleh pihak Lembaga Air Perak (LAP), manakala JKR melakukan kerja pembaikan cerun dan menurap kembali permukaan yang rebok dan runtuh*

**Sofry Kamal Ahmad**, Pengarah Kerja Raya Perak

## MEDIA APPRECIATION NIGHT

## Tambah lorong

## Diversions to be built on highway

## 5 inisiatif tingkat kerja ubah suai

## Ministry targets more durable roads

Fadillah: Eco-friendly pavements should be priority

We must try our best to incorporate the green concept when planning, designing, constructing and maintaining our roads.

## LPT2: Persimpangan Cheneh-Kijal dibuka hari ini

## PLUS tambah baik aspek keselamatan

## Perlu aktif guna media sosial sebar maklumat

## KAEDAH IBS JIMAT, CEPAT DAN BERKUALITI

## Plus beri 20 peratus rebat tol

## RM69 BILION

### NILAI PROJEK PEMBINAAN TEMPOH 9 BULAN TAHUN INI

» Industri catat pertumbuhan tertinggi didorong pembinaan sektor swasta

## A beautiful home can be destroyed in a blink of an eye because of slope failure.

4 CRUCIAL SLOPE SAFETY MEASURES THAT YOU MUST KNOW

## Tiada kenaikan kadar tol di 14 lebuh raya

## PLUS expects 1.5m to hit roads today

## JKR Terengganu baik pulih jalan rosak akibat bah

## Tahun 2014 ditinggalkan, Selamat datang 2015

## Transformasi jalan di Borneo bakal bermula

## Peringatan CIDB kepada kontraktor

Lantik subkontraktor berdaftar siapkan projek

## 8 projek naik taraf jalan Sabah, Sarawak

## Jurutera JKR Segamat sentiasa senggara berkala

## Adu jalan rosak guna aplikasi telefon pintar

## Industri pembinaan negara semakin rancak

## Congestion eases with electronic toll payment


NASKAH PERCUMA

ISSN 1985 - 4595